



SYARAT DAN TERMA PENGGUNAAN

Sistem Sokongan Pemetaan Kerjaya (SSPK)

Penyelidik dan Pembangun sistem

Zamri Ibrahim, Mohd Nasrom Mohd Nawawi, Prof Shahrarum Shamsudin, Dr. Nik Siti Hanifah Nik Ahmad dan Mohd Nazri Mat Husin

PENGENALAN

Anda adalah dipelawa untuk mengguna pakai Sistem Sokongan Pemetaan Kerjaya (SSPK) secara sukarela. Adalah penting bagi anda membaca dan memahami maklumat yang diberikan sebelum anda bersetuju untuk mendaftar bagi mengguna sistem ini.

MATLAMAT SISTEM

Sistem ini dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) hasil daripada projek 'Decision Support System (DSS) for Career Path Identification Among Secondary School Students' untuk memberi bantuan kepada anda dalam menilai keupayaan (bakat dan minat) melalui ujian personaliti diri, dan kemudiannya membantu anda membuat keputusan berkaitan kesesuaian bidang pengajian yang boleh anda pohon diperingkat pengajian tinggi.

Buat masa ini, hanya bidang pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) disenaraikan, berdasarkan maklumat terkini daripada laman sesawang rasmi IPTA terbabit pada tarikh sistem ini dibangunkan. Rujukan contoh kerjaya yang berkaitan dengan bidang pengajian ada dinyatakan untuk memudahkan anda memahami tugas-tugas kerjaya terbabit. Senarai contoh kerjaya tidak melengkapkan kesemua kerjaya yang ada dalam pasaran kerja semasa, namun pengemaskinian senarai akan seboleh-bolehnya dilakukan dari masa kesemasa.

KELAYAKAN PENGGUNAAN

Sesiapa sahaja boleh mengguna sistem ini dan menduduki ujian untuk mengenali personaliti diri masing-masing. Namun bagi tujuan penganalisaan data berkaitan dengan trend pelajar, hanya pelajar sekolah menengah dan pra-universiti (termasuk lepasan sekolah) yang akan diguna untuk menilai kaitannya dengan penentuan kursus diperingkat institusi pengajian tinggi dan pilihan kerjaya.

PROSEDUR PENGGUNAAN SISTEM

Penyertaan anda dalam penggunaan sistem ini adalah secara sukarela. Anda berhak untuk tidak mengguna sistem ini atau menamatkan penggunaan anda pada bila-bila masa, tanpa sebarang kehilangan manfaat yang sepatutnya anda perolehi.

Bagi mengenali personaliti diri, anda perlu menjawab sebanyak 102 soalan personaliti yang dijangka akan mengambil masa selama 15 minit. Jawapan kepada setiap soalan soal selidik perlu dijawab dengan ikhlas dan tanpa tekanan bagi membolehkan analisis dilakukan oleh sistem dengan sempurna. Anda boleh mengulang menjawab jika hasil yang dipaparkan oleh sistem kurang memuaskan hati anda.

Sebarang maklumat peribadi yang dimasukkan dan jawapan kepada soal selidik akan diguna untuk tujuan prosesan dan analisis sistem ini. Anda perlu maklum bahawa semua maklumat yang dimasukkan adalah

bagi membolehkan proses dan analisis berkaitan dengan sistem dapat dilaksanakan. Maklumat peribadi yang dimasukkan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan.

Sebarang keputusan dan analisis yang dibuat oleh sistem ini adalah berdasarkan pengalaman, kepakaran dan kajian yang dibuat oleh para penyelidik terbabit. Keputusan dan analisis yang dibuat oleh sistem bukan penentu kepada pemilihan bidang pengajian dan halatuju kerjaya pelajar. Ia hanya boleh diguna sebagai asas panduan pemilihan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi, bagi membuka ruang kepada pelajar memilih kerjaya yang sesuai.

RISIKO

Anda boleh menarik diri daripada mengguna pakai sistem ini pada bila-bila masa sekiranya anda menghadapi sebarang masalah terutamanya dalam menjawab soalan ujian personaliti. Data input akibat penggunaan sistem yang tidak lengkap (tidak menjawab sepenuhnya) tidak akan diguna untuk sebarang analisis.

Semua pembangun sistem, penyelidik, mereka yang berkaitan dengan sistem ini dan pihak USM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah, kesukaran, kemudaratan, ketidakpuasan hati dan implikasi yang timbul hasil dari penggunaan sistem ini.

Sistem ini adalah hakmilik USM dan ia tertakluk kepada Polisi Harta Intelek USM. Sebarang bentuk salinan semula, penyewaan, penjualan atau penyebaran tanpa kebenaran bertulis daripada pihak USM adalah tidak dibenarkan.

MANFAAT YANG MUNGKIN

Penggunaan sistem ini diberikan kepada anda tanpa kos. Anda boleh mengguna pakai sebarang output penganalisan sistem berkaitan diri anda yang dihasilkan dari data input yang berikan.

Hasil penganalisan dari sistem ini diharapkan dapat memberi manfaat untuk membantu anda memeta kerjaya, juga diharap dapat membuat penilaian terhadap trend pemilihan kursus dan kerjaya pelajar pada masa hadapan.

PERSOALAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai prosedur penggunaan sistem ini atau hak-hak anda, sila hubungi;

Zamri Ibrahim
Pusat Pengajian Sains Kesihatan
USM Kampus Kesihatan
Tel: 09-767 7543
E-mel: zamri@usm.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan berkaitan kelulusan Etika atau sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan kajian ini, sila hubungi;

En. Mohd Bazlan Hafidz Mukrim
Setiausaha Jawatankuasa Etika Penyelidikan (Manusia) USM
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I)
USM Kampus Kesihatan.
No. Tel: 09-767 2354 / 09-767 2362
Email : bazlan@usm.my or jepem@usm.my

KERAHSIAAN

Maklumat yang anda berikan akan dirahsiakan oleh penyelidik, pembangun sistem dan USM. Ianya tidak akan dedahkan secara umum melainkan jika ia dikehendaki oleh undang-undang.

Semua data input yang anda berikan mungkin akan disemak oleh pihak penyelidik, Lembaga Etika kajian ini dan pihak berkuasa regulatori bagi tujuan mengesahkan prosedur. Maklumat anda akan disimpan dalam komputer dan hanya kakitangan kajian yang dibolehkan sahaja dibenarkan untuk mendapatkan dan memproses data tersebut.

Dengan menyetujui untuk mengguna sistem ini, anda membenarkan penelitian rekod, penyimpanan maklumat dan pemrosesan data seperti yang diuraikan di atas.

PENGESAHAN

Sila baca dengan teliti pengesahan penggunaan sistem ini.

Dengan mengguna pakai sistem ini, anda mengesahkan bahawa:

- Anda telah membaca dan memahami semua maklumat dalam Syarat dan Terma Penggunaan ini **termasuk apa-apa maklumat berkaitan risiko yang ada dalam penggunaan sistem** dan anda telah pun diberi masa yang mencukupi untuk mempertimbangkan maklumat tersebut.
- Anda secara sukarela, bersetuju mengguna pakai sistem ini, mematuhi segala prosedur penggunaan dan memasukkan maklumat yang diperlukan untuk penganalisaan oleh sistem sejujurnya.
- Anda boleh menamatkan penyertaan dalam penggunaan sistem ini pada bila-bila masa.
- Anda dibenarkan untuk mengguna, mencetak, menyalin dan menyimpan sebarang output berkaitan diri anda yang dibuat oleh sistem ini, hasil dari input yang anda berikan.

Anda juga memahami bahawa:

- Bahan yang akan diterbitkan tidak akan dilampirkan dengan nama anda dan setiap percubaan akan dibuat oleh penyelidik untuk memastikan ketanpanamaan anda. Anda memahami, walaubagaimanapun, ketanpanamaan yang sempurna tidak dapat dijamin.
- Bahan yang akan diterbitkan dalam mana-mana penerbitan merupakan satu penyebaran yang luas dan tersebar ke seluruh dunia, samaada secara cetakan atau atas talian, yang mungkin bebas dikunjungi dan dibaca oleh umum.
- Bahan tersebut tidak akan digunakan untuk sebarang bentuk pengiklanan atau promosi sesuatu produk atau untuk digunakan di luar konteks yang tidak berkaitan dengan penggunaan sistem ini.

Dengan ini anda mengaku telah memahami dan menyetujui Syarat dan Terma penggunaan sistem ini. Anda juga memahami bahawa pihak USM berhak mengubahsuai dan mengemaskini mana-mana syarat dan terma jika perlu, dari masa ke semasa.

Terima kasih